

07/06/2003

Malaysia tidak pernah masuk senarai WHO

KUALA LUMPUR: Malaysia tidak pernah tersenarai sebagai negara yang terjejas wabak Sindrom Pernafasan Yang Teruk (SARS) seperti negara jiran,

Singapura sebelum ini kerana tidak mempunyai kes jangkitan tempatan.

Menteri Kesihatan, Datuk Chua Jui Meng, berkata ada kekeliruan di kalangan rakyat yang menganggap negara ini termasuk dalam senarai Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) kerana melaporkan kes SARS.

"Saya ingin menjelaskan di sini, Malaysia tidak pernah disenaraikan WHO

sebagai negara terjejas SARS walaupun berdekatan dengan Singapura yang baru-baru ini dikeluarkan daripada senarai WHO, kerana kita tidak mempunyai kes jangkitan SARS tempatan.

"Semua kes SARS yang dilaporkan di negara ini adalah kes import yang dibawa masuk dari negara terjejas yang disenaraikan WHO seperti China, Hong Kong, Taiwan dan Kanada dan kementerian mengambil semua langkah yang

difikirkan perlu di semua hospital bagi memastikan pembawa SARS tidak menyebarkannya kepada orang ramai," katanya di sini, semalam.

Beliau berkata demikian selepas merasmikan Kempen Derma Darah dan Kesedaran Kesihatan 2003 anjuran Road Builder Holdings Bhd dengan kerjasama John Hancock Life Insurance (M) Sdn Bhd, Caffe Appassionato dan FitnessFirst. Kempen itu mensasarkan 100 penderma darah.

Chua berkata, Malaysia adalah negara pertama yang mengambil pendekatan serantau bagi memerangi SARS dan usaha itu dilaksanakan secara berterusan

oleh kerajaan menerusi Jawatankuasa Kebangsaan SARS yang dianggotai 16 agensi.

Katanya, sejak 43 hari lalu pihaknya tidak menerima kes disyaki atau kebarangkalian.

"Usaha negara terbukti apabila diberi kepercayaan menganjurkan `Persidangan Global SARS WHO' pada 17 hingga 18 Jun ini kerana keupayaannya menghalang wabak itu daripada merebak secara tempatan," katanya.

Katanya, persidangan yang akan dirasmikan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr

Mahathir Mohamad itu dijangka mengumpulkan lebih 1,000 peserta dari seluruh dunia termasuk pakar kesihatan dan orang awam yang terbabit secara

langsung membantu memerangi SARS.

"Matlamat utama persidangan mengkaji epidemiologi, pengurusan klinikal,

kajian dan keputusan makmal berkaitan SARS seterusnya mengemukakan cadangan strategi pengawalan wabak itu di peringkat global di samping rangkaian kerjasama.

"Kertas kerja dari negara terjejas seperti China, Hong Kong, Singapura, Vietnam, Kanada serta Amerika Syarikat akan dibentangkan pada hari pertama

berhubung pengalaman menangani SARS," katanya.

Terdahulu, beliau memberi jaminan kepada orang ramai bahawa menderma darah dalam situasi sekarang adalah selamat kerana semua langkah berjaga-jaga sudah diambil bagi memastikan tiada jangkitan SARS berlaku di hospital.

"Semua peralatan yang digunakan dinyah kuman dan hanya digunakan sekali.

Penyaringan juga dilakukan terhadap penderma dan kakitangan hospital," katanya.

Pada masa sama, katanya, risalah yang menasihatkan orang ramai tidak meneruskan niat menderma dikeluarkan sekiranya mereka tidak sihat; berhubung atau menjaga pesakit disyaki SARS; pernah melawat negara terjejas seperti Kanada dan China termasuk Hong Kong, pedalaman Mongolia dan Taiwan atau melawat dan menjaga pesakit di hospital dalam tempoh dua minggu sebelum menderma.